

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
[SEMBRONG]**

SOALAN

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :

- a. respon Kerajaan terhadap pemilikan kenderaan di Malaysia sebagai negara yang mencatatkan jumlah kenderaan berdaftar kedua tertinggi di Asia dan paling tinggi di Asia Tenggara; dan
- b. statistik Kementerian yang mencatatkan 12.54 juta kenderaan persendirian dan kenderaan perkhidmatan awam yang sudah tidak lagi aktif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tidak dinafikan bahawa jumlah kenderaan berdaftar di Malaysia (sehingga Mei 2024) adalah antara yang tertinggi iaitu sebanyak 37.05 juta kenderaan yang menjadikan Malaysia sebagai negara yang mencatatkan jumlah kenderaan berdaftar kedua tertinggi di Asia dan paling tinggi di Asia Tenggara.
2. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira berhubung jumlah pemilikan kenderaan yang tinggi tersebut. Antaranya adalah jumlah kenderaan tidak aktif (kenderaan yang telah 3 tahun tamat tempoh LKM) menyumbang sebanyak 34% iaitu 12.66 juta kenderaan daripada jumlah keseluruhan pemilikan kenderaan di Malaysia. Perkara ini berlaku disebabkan kenderaan tidak aktif, tidak dibatalkan pendaftarannya (dinyahdaftar) dalam rekod pendaftaran kenderaan di dalam sistem Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
3. Kebanyakan kenderaan tidak aktif ini mengakibatkan isu lambakan kenderaan buruk atau terbiar di atas jalan-jalan kawasan perumahan atau di tepi kilang. Selain itu, terdapat banyak kenderaan tidak aktif yang telah dilupuskan di bengkel-bengkel pelupusan kenderaan (*kedai potong*) yang tidak diiktiraf oleh JPJ, dan tidak melaksanakan proses pembatalan pendaftaran kenderaan. Hal ini menyebabkan status kenderaan terapung di dalam sistem JPJ dan menyumbang kepada pertambahan jumlah pemilikan kenderaan di Malaysia walaupun fizikal kenderaan tersebut telah dilupuskan secara total.
4. Menyedari akan kepentingan ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) pada 21 Mac 2024 telah mengumumkan satu inisiatif pendigitalan melibatkan penyediaan perkhidmatan pembatalan pendaftaran pemilikan suatu kenderaan motor oleh pemilik berdaftarnya secara atas talian, melibatkan kenderaan motor yang tidak akan digunakan lagi atas apa-apa sebab termasuklah telah rosak kekal atau telah tidak lagi ekonomik untuk dibaiki atau digunakan di atas jalan.

5. Sistem ini dinamakan **Sistem Pembatalan Pendaftaran Kenderaan Motor Secara Atas Talian (Online Motor Vehicles De-Registration System, e-Dereg)**. Melalui sistem ini, mana-mana pemilik kenderaan motor yang berhasrat melupuskan kenderaan motor boleh melengkapkan proses pembatalan pendaftaran kenderaan tersebut secara atas talian, tanpa perlu hadir melaksanakan proses berkenaan di kaunter JPJ lagi. Pembatalan pendaftaran kenderaan motor sebelum ianya dilupuskan adalah penting bagi memastikan tiada isu berbangkit termasuklah isu kecurian identiti kenderaan (kenderaan klon) dan lambakan status kenderaan yang terapung di dalam sistem JPJ seterusnya mengurangkan jumlah pemilikan kenderaan berdaftar di Malaysia.

6. Jumlah kenderaan berdaftar sehingga Mei 2024 adalah 37.05 juta buah merangkumi kenderaan persendirian (34,696,227), kenderaan perkhidmatan awam (179,011), kenderaan barang (1,441,486) dan lain-lain kenderaan (739,193).

7. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12.66 juta adalah kenderaan yang sudah tidak lagi aktif sehingga Mei 2024 iaitu termasuklah kenderaan persendirian (11,401,528), kenderaan perkhidmatan awam (98,573), kenderaan barang (599,585) dan lain-lain kenderaan (565,521).

Sekian terima kasih.

NO. SOALAN: 573